

ASEAN, India Perlu Terus Tingkatkan Perhubungan Sesama Rantau
Bernama
6 Mac, 2014

NEW DELHI, 6 Mac (Bernama) -- Asean dan India mesti terus meneroka usaha meningkatkan perhubungan sesama rantau, termasuk pembangunan hubungan pengangkutan di antara dua kawasan itu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Perhubungan merupakan bidang sangat penting dan memerlukan perhatian daripada semua peserta rantau ini, kata Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainudin.

"Malaysia yakin perhubungan perlu ditingkatkan ke arah penyepaduan dan pertumbuhan ekonomi kawasan berkenaan," katanya pada edisi keenam Dialog ASEAN-India, yang dikenali sebagai 'The Delhi Dialogue' di New Delhi, Khamis.

Tema Delhi Dialogue VI, yang bermula Khamis, ialah 'Merealisasikan Visi Perkongsian dan Kemakmuran ASEAN-India'.

Hamzah berkata projek seperti Trilateral Highway, Kaladan Multimodal Transport dan Koridor Ekonomi Mekong-India perlu dipromosikan, bukan sahaja untuk pertumbuhan ekonomi, malah hubungan rakyat-dengan-rakyat.

Dalam meneroka potensi ekonomi kawasan ini, beliau berkata Majlis Perniagaan ASEAN-India perlu aktif, selain menganjurkan lebih banyak pameran perdagangan, sidang kemuncak perniagaan dan ekspo.

Ini akan menyediakan platform pembabitkan dan interaksi yang lebih baik di antara komuniti perniagaan ASEAN dengan India.

Ia juga akan mendorong kepada usaha sama awam-swasta, membuka ruang kemungkinan jalinan kerjasama dalam sektor baharu selain menyumbang kepada pembangunan perniagaan kecil dan sederhana kawasan ini, katanya.

Bagi cabaran keselamatan tradisi dan bukan tradisi yang dihadapi rantau ini, Hamzah berkata ASEAN dan India sudah bekerja rapat menerusi pelbagai forum ASEAN seperti Forum Serantau ASEAN dan Mesyuarat Peringkat Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Campur.

"Dalam menyokong usaha kami untuk mempromosi rantau yang mampan, aman dan stabil, kita mesti terus mengukuhkan forum ini sebagai platform penting mengukuh dialog konstruktif dan perundingan membabitkan isu-isu keselamatan dan politik.

Hamzah berkata hubungan ASEAN-India juga semakin rapat.

"Namun kita wajar memperakui hakikat bahawa hubungan kita perlu ditingkatkan. Kita mesti terus membangunkan hubungan yang baik yang kita nikmati kini dan bergerak ke depan dalam merealisasikan visi untuk meningkatkan perkongsian dan kemakmuran.

Antara lain, kami berharap pusat ASEAN-India yang akan beroperasi tidak lama lagi akan memainkan peranan penting dalam menggalakkan aktiviti berfokuskan rakyat.

Ini termasuk program pertukaran belia, media, akademik, komuniti perniagaan dan masyarakat awam antara ASEAN dan India, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019922>